

# Hutang Kerajaan Kelantan kepada Pusat tidak akan dilupuskan – PM

15 DEC 1991

SEGAMAT 14 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Persekutuan tidak akan melupuskan hutang Kerajaan Kelantan kerana amalan itu adalah satu contoh yang tidak baik.

Perdana Menteri berkata, Kelantan perlu membayar hutangnya kerana seperti adat orang berhutang, Kerajaan Kelantan jughendaklah menjelaskan hutangnya.

"Kalau tidak mampu lainlah, tapi dia mampu kerana dia kata banyak duit," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya satu laporan akhbar yang memetik Encik Ghafar Baba sebagai berkata, Kerajaan Kelantan telah mengemukakan memorandum meminta Kerajaan Persekutuan melupuskan 70 peratus daripada \$100 juta hutang projek bekalan air Kelantan Utara.

Memorandum itu dikemukakan oleh delegasi Kerajaan Kelantan diketuai Timbalan Menteri Besar, Haji Abdul Halim Abdul Rahman ketika menemui Encik Ghafar di pejabatnya 22 Oktober lalu.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang ditemui selepas merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II berkata, soal pelupusan hutang tidak pernah dilakukan.

"Orang hutang bank kita suruh bayar, kerajaan hutang pula tidak bayar.

"Macam mana Tamrin Ghafar hendak kutip duit untuk MARA," ujar beliau.

Ditanya mengenai permintaan Kerajaan Kelantan supaya hutang itu ditukarkan menjadi geran Kerajaan Persekutuan, Perdana Menteri berkata:

"Apa sebab hendak diberikan kepada Kerajaan Kelantan sahaja.

"Kalau bagi kepada Kelantan, kita kena bagi semua kerajaan negeri dan habislah duit Persekutuan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa pelupusan hanya boleh diambil kira kalau sesebuah kerajaan itu sudah bankrap.

"Selagi tidak bankrap, kita tidak boleh lupus, 'tambahnya.